



SIARAN MEDIA

POLYCCSKILLS 2025 (PERTANDINGAN KEMAHIRAN PELAJAR POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA) 8 - 11 September 2025

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah menjadi tuan rumah bagi **Pertandingan Kemahiran Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia (PolyCCSkills) 2025** yang akan berlangsung seperti ketetapan berikut:-

HARI PERTANDINGAN

Tarikh : 8 - 10 September 2025 (Isnin – Rabu)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Dewan Sri Mas, POLIMAS

MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN PINGAT

Tarikh : 11 September 2025 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Dewan Sri Mas, POLIMAS
Tetamu VIP : YBrs. Dr Zamzam bin Mohd Walid
Pengarah Bahagian Kurikulum
Jabatan Pendidikan Politeknik dan
Kolej Komuniti (JPPKK)

Penyertaan & Bidang Pertandingan

PolyCCSkills 2025 dianjurkan oleh **Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar** serta **Bahagian Kurikulum, JPPKK** dengan kerjasama 11 institusi, iaitu:

- Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
- Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
- Politeknik Tuanku Syed Sirajudin
- Politeknik Banting Selangor
- Kolej Komuniti Bandar Darulaman
- Kolej Komuniti Sungai Petani
- Kolej Komuniti Kulim
- Kolej Komuniti Baling
- Kolej Komuniti Bandar Baharu
- Kolej Komuniti Jerai
- Kolej Komuniti Hulu Langat

Sebanyak **41 bidang kemahiran** dipertandingkan dengan penyertaan lebih **700 pelajar politeknik dan kolej komuniti** seluruh negara. Pertandingan ini melibatkan tiga (3) kategori utama: **Kejuruteraan, Teknologi, serta Sains Sosial & Perkhidmatan.**

Selari dengan Dasar TVET Negara 2030

Dasar TVET Negara 2030 yang dilancarkan oleh **YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri**, memberi penekanan kepada pembangunan modal insan berkemahiran tinggi bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berdaya saing.

Selari dengan dasar ini, PolyCCSkills 2025 bukan sekadar sebuah pertandingan, malah sebuah **platform pembangunan insan menyeluruh** merangkumi kemahiran teknikal, komunikasi, inovasi, dan kepimpinan.

Evolusi Pertandingan Kemahiran

PolyCCSkills merupakan penjenamaan semula kepada dua pertandingan kemahiran terdahulu, iaitu **PolySkills** (mula dianjurkan pada 2014 di Politeknik Mukah) dan **MyCCSkills** (bermula pada 2014 di kolej komuniti seluruh Malaysia). Kini, PolyCCSkills menjadi simbol transformasi dan kesinambungan usaha untuk mencungkil bakat pelajar serta menyediakan mereka bagi cabaran peringkat nasional dan antarabangsa.

Aspirasi POLIMAS

POLIMAS menzahirkan harapan agar pertandingan ini membina keyakinan pelajar untuk terus **berinovasi, berdaya saing, dan menjadi pemimpin teknikal masa depan.**

Pertandingan ini bukan semata-mata mengejar kemenangan, tetapi juga untuk **membina jati diri, semangat kerja berpasukan, serta keyakinan bahawa kemahiran adalah aset paling berharga dalam membina Malaysia MADANI.**

Sebarang pertanyaan berhubung PolyCCSkills 2025 boleh diajukan kepada **Encik Wan Nor Harman bin Wan Yahaya**, Pengarah Program PolyCCSkills 2025 ditalian **019-4718915**.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh

SHAHRIL ANNUAR BIN AHMAD, *MIPR*

Pegawai Perhubungan Awam,

b.p. Pengarah

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah

Tel: 04-9146100

Fax: 04-9174232

Email: shahrilannuar@polimas.edu.my

